

memesatkan lagi kegiatan yang harus di jalankan di mesjid-mesjid.

4. Bangunan mesjid, bukanlah dihadkan kegunaannya untuk ibadah sembahyang sahaja, tetapi harus di buka pada setiap masa kepada penduduk-penduduk yang hendak bermuzakarah sesama sendiri, bermesyuarah bagi membincangkan kemajuan pembangunan kampung. Kelas-kelas agama bagi semua lapisan masyarakat Islam, dan kelas-kelas muqaddam atau Quran, patutlah diselenggarakan oleh mesjid bagi faedah kanak-kanak dan orang-orang dewasa. Dengan jalan ini, maka bangunan mesjid yang di bina dengan harga berpuluh ribu ringgit itu, dapatlah digunakan